

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14/4/2012



## Dr. Mahathir keluar HUKM esok

UM - 14/4/2012

KUALA LUMPUR, 18 April – Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**), yang menjalani pembedahan kecil untuk membuang polyps nasum (*nasal polyps*), dijangka dibenarkan keluar daripada Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, esok.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan pembantu beliau hari ini, bekas perdana menteri itu memberi tindak balas baik terhadap rawatan dan doktor gembira dengan kemajuan kesihatan beliau.

“Beliau makan makanan biasa dan dijadual pulang esok,” menurut kenyataan itu.

Pembedahan selama sejam, yang bermula pada pukul 9.30 pagi, dilakukan sekumpulan pakar perubatan diketuai Prof. Dr. Abdullah Sani Mohamed.

Hanya anggota keluarga terdekat dibenarkan melawat beliau.

Sementara itu, dalam mesej melalui Twitter, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menulis: “Doa dan salam saya mengiringi Tun Dr. Mahathir yang sedang sembuh daripada pembedahan kecil polyps nasum”. - BERNAMA